**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**
*Director General of Education Malaysia*
**ARAS 8, BLOK E8**
*Level 8, Block E8*
**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**
*Government Complex Parcel E*
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**
*Federal Government Administrative Centre*
**62604 PUTRAJAYA**

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 Jld.6 (39)
Tarikh : 09 Disember 2022

**Semua Ketua Bahagian**
**Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 5 TAHUN 2022**

**KALENDAR AKADEMIK SESI 2023/2024 BAGI SEKOLAH KERAJAAN DAN SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan berkenaan Kalendar Akademik Sesi 2023/2024 bagi Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

2. KPM ingin memaklumkan bahawa Kalendar Akademik Sesi 2023/2024 akan bermula pada **19 Mac 2023 hingga 09 Mac 2024** bagi sekolah di negeri **Kumpulan A** (Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu) dan pada **20 Mac 2023 hingga 10 Mac 2024** bagi sekolah di negeri **Kumpulan B** (Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya) seperti dalam **Lampiran A dan Lampiran B**.

3. KPM juga telah menyelaras tarikh-tarikh cuti perayaan sepanjang tempoh sesi persekolahan 2023/2024 yang melibatkan perayaan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Hari Deepavali, Hari Raya Qurban, Pesta Kaamatan, Hari Gawai Dayak dan Hari Krismas. Maklumat terperinci berhubung cuti perayaan bagi sesi persekolahan 2023/2024 adalah seperti dalam **Lampiran C.** Semua sekolah hendaklah mematuhi peruntukan cuti tambahan oleh KPM sempena perayaan utama bagi sambutan Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Qurban, Hari Deepavali dan Tahun Baru Cina. Peruntukan cuti tambahan berkenaan **tidak perlu diganti.**

4. Surat siaran ini **berkuat kuasa serta merta** mulai pada tarikh surat siaran ini dikeluarkan.

5. Kalendar Akademik Sesi 2023/2024 boleh dimuat turun melalui laman sesawang KPM di pautan https://www.moe.gov.my/takwim.

6. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan dimohon mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pengetua dan guru besar bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' HJ. PKHARUDDIN BIN HJ. GHAZALI)**
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. YB. Menteri Pendidikan
   Kementerian Pendidikan Malaysia

2. Ketua Setiausaha
   Kementerian Pendidikan Malaysia

3. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
   Kementerian Pendidikan Malaysia

4. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
   Kementerian Pendidikan Malaysia

5. Penasihat Undang-Undang
   Kementerian Pendidikan Malaysia

**KALENDAR AKADEMIK SESI 2023/2024**

**KUMPULAN A :**
**Sekolah-sekolah di negeri: Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu**

| PENGGAL | MULA PERSEKOLAHAN | AKHIR PERSEKOLAHAN | JUMLAH HARI | JUMLAH MINGGU |
|---|---|---|---|---|
| 1 | 19.03.2023 | 31.03.2023 | 10 | 5 |
| | 01.04.2023 | 20.04.2023 | 14 | |
| | JUMLAH HARI | | 24 | |
| | **CUTI PERTENGAHAN PENGGAL 1, SESI 2023/2024** | | | 1 |
| | 21.04.2023 - 29.04.2023 | | 9 | |
| | 30.04.2023 | 30.04.2023 | 1 | 4 |
| | 01.05.2023 | 25.05.2023 | 17 | |
| | JUMLAH HARI | | 18 | |
| | **CUTI PENGGAL 1, SESI 2023/2024** | | | 1 |
| | 26.05.2023 - 03.06.2023 | | 9 | |
| 2 | 04.06.2023 | 30.06.2023 | 17 | 12 |
| | 01.07.2023 | 31.07.2023 | 21 | |
| | 01.08.2023 | 24.08.2023 | 18 | |
| | JUMLAH HARI | | 56 | |
| | **CUTI PENGGAL 2, SESI 2023/2024** | | | 1 |
| | 25.08.2023 - 02.09.2023 | | 9 | |
| 3 | 03.09.2023 | 30.09.2023 | 19 | 15 |
| | 01.10.2023 | 31.10.2023 | 23 | |
| | 01.11.2023 | 30.11.2023 | 20 | |
| | 01.12.2023 | 14.12.2023 | 10 | |
| | JUMLAH HARI | | 72 | |
| | **CUTI PENGGAL 3, SESI 2023/2024** | | | 2 |
| | 15.12.2023 - 01.01.2024 | | 18 | |
| | 02.01.2024 | 31.01.2024 | 22 | 6 |
| | 01.02.2024 | 08.02.2024 | 6 | |
| | JUMLAH HARI | | 28 | |
| | **CUTI AKHIR PERSEKOLAHAN SESI 2023/2024** | | | 4 |
| | 09.02.2024 - 09.03.2024 | | 30 | |

## KALENDAR AKADEMIK SESI 2023/2024

**KUMPULAN B :**

**Sekolah-sekolah di negeri: Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan & Wilayah Persekutuan Putrajaya**

| PENGGAL | MULA PERSEKOLAHAN | AKHIR PERSEKOLAHAN | JUMLAH HARI | JUMLAH MINGGU |
|---|---|---|---|---|
| 1 | 20.03.2023 | 31.03.2023 | 10 | 5 |
| | 01.04.2023 | 21.04.2023 | 13 | |
| | JUMLAH HARI | | 23 | |
| | **CUTI PERTENGAHAN PENGGAL 1, SESI 2023/2024** | | | 1 |
| | 22.04.2023 - 30.04.2023 | | 9 | |
| | 01.05.2023 | 26.05.2023 | 18 | 4 |
| | JUMLAH HARI | | 18 | |
| | **CUTI PENGGAL 1, SESI 2023/2024** | | | 1 |
| | 27.05.2023 - 04.06.2023 | | 9 | |
| 2 | 05.06.2023 | 30.06.2023 | 16 | 12 |
| | 01.07.2023 | 31.07.2023 | 20 | |
| | 01.08.2023 | 25.08.2023 | 19 | |
| | JUMLAH HARI | | 55 | |
| | **CUTI PENGGAL 2, SESI 2023/2024** | | | 1 |
| | 26.08.2023 - 03.09.2023 | | 9 | |
| 3 | 04.09.2023 | 30.09.2023 | 19 | 15 |
| | 01.10.2023 | 31.10.2023 | 22 | |
| | 01.11.2023 | 30.11.2023 | 20 | |
| | 01.12.2023 | 15.12.2023 | 11 | |
| | JUMLAH HARI | | 72 | |
| | **CUTI PENGGAL 3, SESI 2023/2024** | | | 2 |
| | 16.12.2023 - 01.01.2024 | | 17 | |
| | 02.01.2024 | 31.01.2024 | 22 | 6 |
| | 01.02.2024 | 09.02.2024 | 6 | |
| | JUMLAH HARI | | 28 | |
| | **CUTI AKHIR PERSEKOLAHAN SESI 2023/2024** | | | 4 |
| | 10.02.2024 - 10.03.2024 | | 30 | |

## CUTI PERAYAAN SESI 2023/2024

| CUTI PERAYAAN | TAMBAHAN CUTI PERAYAAN YANG DIPERUNTUKKAN OLEH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) | | |
|---|---|---|---|
| | **KUMPULAN A** | **KUMPULAN B** | **CATATAN** |
| **HARI RAYA AIDILFITRI**<br>22.04.2023 (Sabtu)<br>dan<br>23.04.2023 (Ahad) | 20.04.2023 (Khamis) | 20.04.2023 (Khamis) | Satu (1) Hari Cuti Tambahan KPM untuk Kumpulan A dan Dua (2) Hari Cuti Tambahan KPM untuk Kumpulan B |
| | | 21.04.2023 (Jumaat) | |
| **HARI RAYA QURBAN**<br>29.06.2023 (Khamis) | 28.06.2023 (Rabu) | 28.06.2023 (Rabu) | Satu (1) Hari Cuti Tambahan KPM untuk Kumpulan A dan Dua (2) Hari Cuti Tambahan KPM untuk Kumpulan B |
| | | 30.06.2023 (Jumaat) | |
| **HARI DEEPAVALI**<br>12.11.2023 (Ahad) | 13.11.2023 (Isnin) | 13.11.2023 (Isnin) *<br>**(Negeri Sarawak sahaja)** | Satu (1) Hari Cuti Tambahan KPM untuk Kumpulan A dan Kumpulan B |
| | | 14.11.2023 (Selasa) | |
| **TAHUN BARU CINA**<br>10.02.2024 (Sabtu)<br>dan<br>11.02.2024 (Ahad) | | 09.02.2024 (Jumaat) | Satu (1) Hari Cuti Tambahan KPM untuk Kumpulan B |

**CATATAN:**

| | | |
|---|---|---|
| Hari Deepavali * | : | **Tambahan cuti perayaan yang diperuntukkan oleh KPM bagi Negeri Sarawak. Negeri-negeri lain dalam Kumpulan B memperoleh cuti berganti yang diperuntukkan oleh kerajaan.** |
| **Pesta Kaamatan (Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja)** | : | **30 & 31 Mei 2023 (Dalam Cuti Penggal 1, Sesi 2023/2024)** |
| **Perayaan Hari Gawai Dayak (Sarawak sahaja)** | : | **01 & 02 Jun 2023 (Dalam Cuti Penggal 1, Sesi 2023/2024)** |
| **Hari Krismas** | : | **25 Disember 2023 (Dalam Cuti Penggal 3, Sesi 2023/2024)** |
| **Tahun Baru Cina** | : | **10 & 11 Februari 2024 (Dalam Cuti Akhir Persekolahan Sesi 2023/2024)** |